

Cerita Panji Merentas Sempadan Oleh

Noriah Mohamed

(nong.mohamed@gmail.com)

Pendahuluan

Makalah kali ini tidak akan membicarakan atau membahaskan teori-teori tentang perkembangan panji, kerana ramai sarjana sudah membicarakannya sama ada di luar Nusantara seperti Rassers, Ras. Teeuw dan Robson malah di Malaysia juga cerita panji turut dijadikan penelitian ilmiah oleh Harun Mat Piah dan AbdRahman Kaeh yang meneliti *Panji Jayeng Kusuma* dan *Panji Narawangsa*. Walaubagaimana pun cerita cerita panji (CCP) terus dapat menambat hati khalayak Melayu pada setiap waktu dan masa. Soalnya mengapa CCP terus dapat bertahan sekuat pohon yang mengakar bumi? Dalam makalah ini akan dibuat analogi perbandingan dengan cerita-cerita filem Bollywood yang terus dapat bertempat di hati khalayak di daerah sini.

CCP berasal dari Jawa sehingga dikatakan unsur-unsur kejawaan amat terserlah dengan pengekalan nama wira dan wirawati, iaitu **Raden Inu Kertapati dan Raden Galuh Candera Kirana** selain memaparkan **empat buah negeri** seperti **Gegelang, Singasari, Kuripan dan Daha**. CCP telah menyuntik kecintaan masyarakat lain di Nusantara sehingga melepasi Siam, Burma, Laos, Kemboja dan lebih-lebih lagi di alam Melayu. Yang penting **CCP memaparkan senario sejagat tentang cinta di antara teruna dan dara.**

CCP lahir dalam era kerajaan Majapahit dan berkisar pula dalam lingkungan empat kerajaan seperti yang tersebut di atas. Kebanyakan sarjana membuat suatu tanggapan bahawa CCP lahir bersesuaian dengan keinginan Majapahit untuk memperopagandakan kekuasaan mereka ke atas tanah-tanah jajahannya. Keunggulan dan kemantapan kerajaan cuba disampaikan melalui cerita yang menjadikan **istana sebagai pusatnya (istana centric)**.



Disebabkan keindahan cerita-cerita dalam siklus CCP menepati selera masyarakat serantau, justeru tidak menghairankan masyarakat Melayu turut terbawa-bawa menyenangnya sehingga dikatakan lebih daripada 100 judul cerita yang telah dicipta (Harun Mat Piah,1980, AbdRahman Kaeh,1989). Dengan kedudukan yang sedemikian kukuh dalam arena Kesusasteraan Melayu Tradisional, telah menjadikan genre ini mempunyai jati dirinya yang tersendiri dan sehingga kini terus dapat memikat minat pengkaji-pengkaji CCP untuk terus diteliti dan dicerna dari sudut pandang yang digemari mereka.

Sarjana pertama yang membuat penelitian secara ilmiah ialah W.H Rassers yang telah menulis sebuah disertasi dengan judul *De Pandji Roman*. Penemuan beliau adalah tentang pendapatnya bahawa CCP berasal daripada cerita mitos bulan dan matahari seperti yang tertera dalam cerita Kalangi dan Manimporok di Sulawesi (Liaw Yock Fang,1991). Bertitik tolak dari sinilah telah mengundang beberapa sarjana meneliti cerita-cerita yang tercakup dalam siklus ini seperti:

Rassers dalam tahun 1922

Berg dalam tahun 1928, 1930 dan 1954

Poerbatjaraka dalam tahun 1940

Teeuw dalam tahun 1960

Ras dalam tahun 1963

Robson dalam tahun 1979

Sarjana-sarjana tempatan juga tidak kurang meminati CCP ini sehingga genre ini dijadikan bahan penelitian ilmiah seperti yang dilakukan oleh AbdRahman Kaeh, Harun Mat Piah, Noriah Mohamed dan Rattiya Salleh. Baroroh Baried dan kumpulannya telah meletakkan CCP ini sebagai **Sastera Pahlawan** pada tahun tahun 1987.

Gelaran Panji dan Apanji hanya muncul sewaktu Inu atau Galuh dalam penyamaran dan pengembaraan. Namun demikian gelar ini diberi kepada tokoh Inu di dalam *Syair KenTambuhan (SKT)* sebagai Raden Panji. Dalam cerita ini nama tersebut diguna walaupun Inu tidak dalam pengembaraan.

Menurut S. Prowiroatmodjo, **Panji adalah gelar bangsawan**, pangkat dalam ketenteraan atau yang setaraf dengan pangkat Wedana. Pandangan ini ada kebenarannya kerana gelar Panji hanya digunapakai oleh tokoh protagonis dan

tidak antagonis. Poerbatjaraka telah menegaskan bahwa gelar Panji telah digunakan dalam susur galur keturunan raja-raja Jawa sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Babad Tanah Jawa* seperti yang digunakan oleh anak Panji yaitu Panji Amiluhur yang menjadi Raja Jenggala.

Daripada susur galur itu juga dapat ditinjau bahwa tokoh Panji ada hubungannya dengan tokoh-tokoh yang terdapat dalam *Mahabharata* dan susur galur tersebut jika dikaitkan pula dengan Nabi Adam alaihissalam. Secara tidak langsung masyarakat Jawa ingin menampilkan bahwa Panji bukanlah sembarangan orang tetapi berketurunan daripada titisan dewa dan seterusnya kepada manusia pertama di dunia.

Sebagai contoh dapat dilihat penggunaan Panji telah digunakan oleh Raden Inu Kertapati sewaktu dalam penyamaran seperti dalam *Hikayat Misa Jayeng Kusuma*. Tokoh menggunakan gelar Misa Jayeng Kusuma Sira Panji Jayeng Seteru, Kelana Adimerta Sira Panji Jayeng Seteru dan Misa Edan Sira Panji Jayeng Kusuma. Tokoh Galuh juga menggunakan gelar Panji seperti gelar Misa Jejuluk Sira Panji Maring Daha. Dalam *Hikayat Panji Semirang* (HPS) Galuh menggunakan gelar Panji Semirang Asmarantaka sewaktu dalam penyamaran.

Untuk memisahkan antara CCP dengan genre yang lain, khalayak dapat mengukurnya daripada ciri-ciri yang menjadi landasan dalam siklus ini. Antara perkara pokok yang menjadi tema dalam CCP ialah **unsur pengembaraan** yang amat dominan, **selain plot, watak dan perwatakan, latar dan unsur-unsur lain seperti penjelmaan, penyamaran, peperangan, peranan dewa dan pengakhiran cerita yang lebih menitik beratkan kegembiraan yang abadi atau *happy endings*.**

Tema yang dipaparkan dalam CCP amat selari dengan budaya Jawa yang mementingkan hidup berharmoni di antara dua insan yang bercinta iaitu Inu Kertapati dan Galuh Candra Kirana. Untuk menjaga keharmonian ini, sesiapa sahaja boleh berpegang kepada cinta dan kasih sayang. Dalam CCP pelbagai jenis cinta dipaparkan seperti:

Cinta antara lelaki dengan perempuan
Cinta sejenis
Cinta antara tunang
Cinta antara saudara
Cinta antara ibu dan anak
Cinta antara ayah dan anak
Cinta suami isteri
Cinta rakyat kepada raja dan sebaliknya
Cinta pembantu kepada tuannya dan sebaliknya.

Selain cinta, digambarkan juga empat buah negeri seperti yang disebut di atas, dan keempat negeri adalah berasal dari kayangan dan justeru itu tokoh tokoh utama amat berkait rapat dengan dewa-dewa sehingga dikatakan terdapat jalinan manusia dan dewa dalam diri setiap tokoh tersebut terutama tokoh Inu dan Galuh. Gambaran peranan dewa amat sering diterapkan dalam genre ini. Keadaan ini sama dengan salah seorang tokoh dalam *Mahabharata* iaitu Sadewa iaitu sama taraf dengan dewa.

Disebabkan mereka berasal dari dewa sewajarnya pula adanya ciri **penjelmaan (avathar)** dari dewa kepada manusia. Untuk pengekalan keselamatan diri terdapat ciri penyamaran sehingga tokoh –tokoh utama Inu dan Galuh akan bertukar nama sewaktu dalam pengembaraan. Dengan adanya ciri **pengembaraan** secara tidak langsung membuktikan kewibawaan dan kehebatan tokoh kerana tokoh-tokoh tersebut seringkali pula terlibat dalam kancah peperangan di antara mereka guna menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Peperangan berlaku kerana tokoh-tokoh tersebut dalam penyamaran dan secara tidak langsung setiap tokoh dapat menduga kedalaman cinta di antara satu dengan lain. Bila perang, berlakulah musibah seperti luka dan mati dan di sinilah tokoh **dihidupkan kembali** dengan pertolongan para dewa. Jika tokoh –tokoh penting ini dimatikan akan pincanglah CCP kerana lumrahnya genre ini **berakhir dengan kegembiraan**.

Suatu yang ketara dalam CCP akan dimunculkan tokoh **panakawan** iatu hamba yang mendampingi tuannya pada sepanjang masa. Mereka ini akan bertindak sebagai **pendamping, penasihat, pengiring, pelindung dan penghibur**. Panakawan dalam bahasa Jawa membawa makna sebagai kawan yang paling setia berdasarkan gabungan perkataan “pana” dan “kawan”. “Pana” bermaksud pandai dalam pengamatan atau sikap yang amat teliti segala perkara yang berkaitan dengan temannya sedangkan “kawan” bermaksud teman. Tokoh panakawan ini akan menggadai nyawanya demi kepentingan tuannya sama ada Inu atau Galuh. Sebagai contoh mereka sanggup menderita bersama tuannya sebagaimana yang ditunjukkan oleh Ken Bayan dan Ken Sanggit dalam *HPS*.

Disebabkan CCP mempunyai keistimewaan yang unggul tidak menghairankan jalinan cerita ini dimasukkan juga dalam pelbagai genre yang lain seperti **pewayangan, tari** dan sebagainya.



CCP dalam kesusasteraan Melayu mempunyai tempatnya yang khas sehingga elemen Jawa yang ada, sudah dikesampingkan kerana inti cerita yang amat memikat terutama jalinan kasih abadi antara teruna dan dara. Sehingga dikatakan **tidak ternampak suatu garis pemisah kerana banyaknya titik persamaan.** Kali ini CCP akan menjadi sorotan sehingga cerita ini melebar luas dan *merembes teles* dalam karya tradisional Melayu yang lain samaada dalam *Sejarah Melayu* dan *HHT*, lebih-lebih lagi dalam CCP Melayu sama ada yang berbentuk prosa dan puisi. **Semarak cinta antara Raden Inu dan Galuh adalah inti kepada CCP** sehingga dikatakan oleh A. Teeuw 1966:

Cerita cerita panji ialah golongan cerita Jawa- Melayu yang semuanya berpusatkan Sang Panji, putera Kuripan yang ada sifat sejarahnya tetapi tidak kurang “mythologinya”. Pokok cerita Panji ialah Panji yang berkelana mencari kekasihnya, pasangannya yang sering kali bernama Candra Kirana, puteri Daha yang hilang atau menyamarkan diri dan menjelma sebagai orang lain. Selama berkelana Panji mengalami bermacam-macam peristiwa hingga akhirnya bertemu semula dengan kekasihnya.

Penyebaran cerita CCP ke seluruh Kepulauan Nusantara disebabkan adanya dorongan daripada hal politik, perdagangan dan budaya yang banyak kemiripannya. Setiap sang penerima cerita ini atau khalayak akan membaurkan rentetan cerita dengan unsur tempatan/lokal sebagaimana yang berlaku dalam CCP Melayu, Thai dan Kemboja.

CCP amat selari dengan selera masyarakat Melayu kerana **jalur ceritanya yang sewarna dengan cerita Lipur Lara Melayu** yang bertemakan pengembaraan selain bertemakan cinta yang mendasari cerita tersebut. Cerita lipur Lara Melayu lebih bersifat istana centric dan sama sahaja dengan CCP yang menjadikan istana sebagai fokus penceritaan. Kehebatan putera puterinya sama dibeberkan sedemikian rupa andai mati terbunuh akan hidup kembali dan senario ini sama sahaja dengan CCP.

Dalam CCP Melayu seperti *SKT* dan *Syair Misa Gumar* (*SMG*) misalnya, cerita digubah menggunakan wadah syair berbahasa Melayu dan bertulisan Jawi padahal cerita berasal Jawa menggunakan bahasa Jawa dan beraksara Jawa. Pengkarya Melayu amat terpicat dengan CCP yang menjadikan cinta sebagai landasan dalam

kehidupan manusia. Dengan adanya cinta akan membakar azam dan semangat seseorang individu untuk berusaha sekuat mungkin bagi mendapatkannya.

Wadah CCP dalam bentuk syair bukan sahaja *SKT* malahan terdapat banyak lagi seperti :

Syair Panji Semirang
Syair Jaran Tamasya
Syair Lalakon Misa Kumitar
Syair Anggereni
Syair Panji

Menggunakan bentuk syair adalah suatu cara yang dapat menambat jiwa khalayak Melayu dan keadaan ini ada persamaannya dengan khalayak Jawa yang menggunakan tembang macapat sebagai wadah penceritaan panji. **Ertinya bentuk yang mempunyai rima dan alunan irama akan lebih mengesankan pendengaran dan hati khalayak.** Sungguh pun demikian tidak dinafikan CCP dalam bentuk prosa lebih menonjol dengan menggunakan kata Hikayat pada permulaan judul cerita seperti:

Hikayat Panji Semirang,
Hikayat Panji Kuda Semirang
Hikayat Carang Kulina,
Hikayat Carang Misa Kembar Sari
Hikayat Galuh Digantung,
Hikayat Dewa Asmara Jaya
Hikayat Misa Susupan

CCP yang berlandaskan cinta dan berakhir dengan kegembiraan setelah wira dan wirawatnya melalui derita pelbagai ranjau kehidupan adalah suatu remedi yang amat disenangi oleh khalayak Melayu Nusantara. Walau pun ada **cerita Lipur Lara** dan cerita **Ramayana** yang menjadi hiburan khalayak setempat tetapi apabila

mereka menikmati CCP, mereka dapat mengelompokkannya ke dalam siklus panji dan tidak pada kelompok yang lain kerana CCP jarang sekali meninggalkan **ciri-ciri CCP seperti kelahiran tokoh wira dan wirawati iaitu Raden Inu Kertapat dan Raden Galuh Candra Kirana, pengembaraan, penyamaran, peperangan, kematian, menghening cipta dan berakhir dengan kegembiraan abadi.**

Merentas Sempadan Wilayah

Kemunculan CCP dalam siklus Melayu sering menjadi tanda tanya, namun ternyata CCP dalam bentuk lisan sudah lebih dahulu lahir daripada bentuk bertulis. CCP pada dasarnya sudah lama diketahui oleh masyarakat Melayu terutama di Kelantan. Para dalang telah menggunakan CCP sebagai cerita ranting dalam persembahan Wayang Kulit. Walaupun demikian CCP yang dipaparkan oleh mereka mempunyai beberapa kelainan kerana selera dalang yang berbeza dari segi budaya sehingga watak dan latar digunakan elemen setempat atau lokal. Kelainan-kelainan ini berlaku kerana CCP bermula dengan lisan. Dalam teks Melayu juga seseorang penyalin adalah pengarang kerana cerita akan digubah mengikut selera dan lagipun **sesebuah cerita adalah hak bersama. Sesiapa sahaja dapat menggunakannya kerana tidak ada larangan yang termaktub pada waktu itu.** Yang paling penting cerita yang diperoleh dapat memberikan kepuasan dalam penghayatan kepada khalayak.

Gambaran ini jelas terlihat dalam teks (*Hikayat Pandawa lima.(HPL):281*)

Hai Tuan-tuan yang membaca,
Barang yang kurang tuanku tambah,
Barang yang lebih tuanku ubah
Supaya yang mendengar suka bertambah.

Jika dikatakan CCP disalin dalam tulisan Jawi iatu yang beraksara Arab pastinya khalayak Melayu sudah beragama Islam tetapi soalnya mengapa CCP yang bernuansa Jawa dan Hindu dapat memikat hati khalayak Melayu. Di atas disebutkan bahawa cinta yang mendasari CCP amat selari dengan jiwa manusia yang perlukan perasaan ini. Walaupun Islam sudah menjadi dasar anutan tetapi CCP dan cerita *Ramayana* dan *Mahabharata* masih dapat lowongan di hati khalayak. Khalayak Melayu menyedari hal ini seperti yang terungkap dalam (HPL:1992:280)

...Maka cerita Jawa yang **sesat** itu dikatanya amat sempurnalah kematian nya itu.

Dengan adanya perkataan **sesat** sudah cukup buat khalayak Melayu berwaspada dengan cerita yang didengar dan dibacanya agar akidah tidak tergelincir. Penggunaan aksara Arab digunakan mungkin khalayak Melayu tidak intim dengan aksara yang lain.

Khalayak Melayu menyedari CCP adalah Jawa dan pastinya ada kaitannya dengan Hindu dan tidak terlepas daripada pengaruh dewa dewi yang sering terungkap dalam CCP. Namun dewa dewi ini sekadar paparan tuhan yang bukan Islam dan dengan adanya perkataan **SESAT** seperti yang ditampilkan di atas sudah cukup buat khalayak Melayu untuk berwaspada selalu. Ketebalan Hindu tidak meluntur semangat khalayak Melayu untuk menikmati CCP yang lain seperti *Hikayat Misa Indera Dewa Kusuma* yang masih dalam penelitian Dr Harun Mat Piah.

Naskah bertulisan Jawi (MS COD OR 2284 Universiti Leiden) sudah pun ditransliterasikan ke dalam tulisan rumi tetapi masih jauh untuk dicerna secara mendalam. Cerita lebih merupakan bahagian akhir bagi CCP Melayu iaitu sambungan daripada cerita induk *Cekel Waneng Pati*. Wira dikenali sebagai Misa

Indera Dewa Kusuma cucu kepada Panji. Dalam cerita ini dikatakan Ratu Benua Keling adalah bersaudara dengan para ratu sekutu panji. Ketika diturunkan dari kayangan oleh Betara Guru ke mayapada si abang diturunkan ke Benua Keling sedangkan adiknya Betara Naya Kesuma diturunkan ke Kuripan.

Begitu juga halnya dengan CCP yang terus *mili* sederas kali yang meluncur laju menyerap hati-hati khalayak Melayu kerana wilayah yang tidak terlarang. Oleh yang demikian CCP sudah berada di kalangan khalayak Melayu sejak kurun ke 15 lagi iaitu setelah adanya hubungan Melayu Jawa dan CCP ini tertulis dalam tulisan Jawi atau yang menggunakan aksara Arab. Rasanya tidak ada CCP versi Melayu ditulis menggunakan aksara lain. Pengaruh CCP dalam karya agung Melayu juga tidak boleh dinafikan seperti yang terdapat dalam *HHT* dan *Sejarah Melayu*. CCP telah dijadikan induk idea melakar cerita dan mewarna watak dalam teks-teks tersebut.

Merentas Budaya

Jawa dan Melayu takkan terpisah dan paparan ini terbukti diwujudkan di dalam *HHT* walaupun dalam karya besar ini nuansa Jawa terus dijelekkkan sebagai manusia serakah, iri dan dengki seperti tokoh Patih Kerma Wijaya dan Gajahmada. Namun demikian pengarang hikayat ini masih bersikap objektif seperti kemampuan keris Taming Sari yang tidak ada pada umat Melayu sehingga keris menjadi suatu titik untuk Hang Jebat bertindak liar bila keris sudah berada di tangannya kerana dia tidak akan mati jika keris masih bersamanya. Justeru itu Hang Tuah mencuba pelbagai taktik dan teknik untuk merampasnya kembali kerana kemampuan keris tersebut.

Begitu juga sewaktu memaparkan kecantikan Raden Mas Ayu yang kadangkala digunakan nama Raden Galuh mahu didaupan/dikahwinkan dengan Ratu Melayu iatu Raja Melaka (*HHT* .1997:159)

Maka Raden Mas Ayu pun dihiasi oranglah dengan pakaian indah-indah bertapih Liang Langau dan berkain kembang, kain dipercik air emas telur natar, berpedaka susun telu, galuh siri bersayap sandang, berpermata pudi manikam dan berkemar perbuatan Jawa, berincil-incil berpermata merah, bersunting bunga semenderasa wilis dan bersanggul menyerong cara Jawa, berpatam emas kawat. Berpelik mutia kesturi dan memakai kelembak, bergelang manikam dilarik tiga sebelah berasak-asak, berpilih warna bayam luhur bersiput alit, giginya sumridanta, bibir merah tuaterlalu manis seperti laut madu...

Jika ditelusuri petikan di atas amat banyak kata Jawa yang dikekalkan seperti (bertapih berkain-besarung),(telu-tiga), (alit-kecil), (danta –gigi) padahal boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Bahasa Jawa yang dipakai seolah-olah dapat mewakili gambaran yang diinginkan seperti kita menggunakan bahasa Perancis sewaktu menulis karya Inggeris seperti kata *Bon Voyage, ala Carte, Grand Prix* dan sebagainya. **Ertinya bahasa asal akan dirasa lebih mantap dan berkesan.**



Kecantikan dan ketampanan Inu dan Galuh juga memikat khalayak Melayu seperti kecantikan Ken Tambuhan dalam *SKT.2002:7*

Ken Tambuhan pun sudah berhias
Berkampuh pula jingga pengawas
Berkemban kesumba diantelas
Ditulis dengan air emas.

Berkamar ikat Melayu,
Bersubang lontar perbuatan bayu
Indahnya tidak dapat dipayu
Segala yang memandang hairan termangu.

Bergelang kanan dua sebelah
 Ditatah dengan permata merah,
 Bibirnya nipis terlalu cerah
 Giginya laksana delima merekah.

Daripada petikan di atas kata Jawa terus digunakan seperti berkampung (bersarung atau berkain), payu (laku/laris). **Justeru itu kepada khalayak / penggemar CCP merasakan bahawa tidak seharusnya ada suatu benteng yang dibangun untuk menunjukkan Jawa adalah sesuatu yang asing.** Yang penting kepada penyalin/ pengubah/ penyusun juga khalayak CCP adalah dunia yang mempunyai suatu warna yang harus dinikmati bersama. Teks *SKT* sudahpun dijadikan sebuah karya agung oleh Yayasan Karyawan pada tahun 2002. Isi teks juga dijadikan CD interaktif pada tahun 2005 dengan harapan khalayak muda dapat menikmati cerita tersebut.

Suatu contoh lain yang membaurkan Jawa dan Melayu terpapar jelas dalam *SMG* yang menunjukkan nama-nama tokoh tetap Jawa walaupun wadah penyampaian dalam bahasa Melayu yang berbentuk syair.

Sang Nata Kuripan Seri Narapati,
 Beroleh putera bagai di hati,
 Empat sebanjar dengan seperti,
 Laksana kuntum anggerik menjadi.

Yang tuhanya Raden Sastera Wijaya,
 Seperti Betara Kamajaya,
 Agung-agungan diraja bercahaya,
 Empat belas tahun dalam usia.

(Noriah.2006:94)

Pada khalayak Melayu mereka tidak tahu di mana Kuripan, siapa Raden Sastera Wijaya atau Betara Kamajaya tetapi mengapa cerita ini masih boleh diterima? Yang penting cerita telah dapat meresap ke dalam jiwa **kerana adanya unsur – unsur manusiawi yang sama.**

Kuasa Wanita

Daripada beberapa petikan di atas khalayak dapat menikmati keindahan yang dipaparkan untuk memperlihatkan betapa halus seni gubahan dan cipta karya orang Jawa yang dikagumi oleh khalayak Melayu.

Suatu lagi yang menjadi tarikan CCP ialah (HPS) dan gambaran seperti ini amat sinonim dengan cerita cerita lain seperti *Bawang Putih Bawang Merah* , *Lela Manja*, *Selindang Delima* dan sebagainya

Dalam *HPS* Paduka Liku menyedari bahwa selagi permaisuri masih hidup, bagindalah yang menjadi penghalang untuk dirinya menambat dan meraih kasih sang suami iaitu sang prabu. Paduka Liku terus memeram rasa marah, benci dan iri kepada permaisuri dan berusaha sekuat mungkin agar keinginannya dapat dipenuhi. Sebaliknya tokoh permaisuri dipaparkan sebagai tipa wanita baik perilaku dan selalu bersangka baik dengan sesiapa sahaja walaupun dengan madunya. Hal ini amat ketara yang permaisuri dengan senang hati menerima pemberian tapai daripada Paduka Liku. Baginda tidak menaruh syak wasangka sebaliknya terus mencicip enak tapai yang dihidangkan. Akibatnya baginda

mangkat keracunan. Bila kuasa sudah di tangan Paduka Liku terus bersikap kejam terhadap Raden Galuh Candra Kirana sehingga sang prabu memotong rambutnya.

Kekerasan Paduka Liku ada persamaannya dengan peranan ibu Bawang Putih terhadap Bawang Merah yang kematian ibunya setelah ibu Bawang Merah ditolak mati ke dalam sumur. Gelagat Ibu tiri menjadi persamaan elemen sehingga cerita digemari. **Ertinya senario kebobrokan dalam keluarga adalah fenomena sejagat sama dengan cerita *Cinderalella* barat**

Dalam *Lela Manja* juga diceritakan sikap ibu tiri yang kejam mendera kedua orang anak tirinya sewaktu suami tidak berada di rumah. Bila sang suami berada di rumah kedua orang anak dipamer sering mendapat belaian kasih.

Dalam CCP terdapat watak wanita yang boleh diukur dari sisi positif dan negatifnya. Dari sisi positif pastinya dapat dipaparkan beberapa tokoh seperti Galuh Candra Kirana, yang kadangkala dikenal sebagai Ken Tambuhan dalam SKT dan bertukar nama kepada Sekartaji dalam Panji Jawa selain watak Kili Suci (satu-satunya adik perempuan kepada empat orang Raja – Kuripan Daha, Gegelang dan Singhasari) dan Dewi Onengan (adik kepada Inu), Di sisi negatifnya pula dapat dilihat kepada watak Paduka Liku dan Galuh Ajeng dalam HPS, Permaisuri dalam SKT dan Dewi Nawangwulan dalam *Panji Jayengtilem* PJT.

Dalam penulisan ini akan cuba memperlihatkan betapa kekuatan hati wanita dapat merubah keadaan cerita kepada yang lebih positif atau sebaliknya. Secara tidak langsung memperlihatkan juga rentetan cerita disulam jalin secara indah oleh pengarangnya sehingga khalayak tidak bosan untuk mengikuti cerita hingga ke akhirnya walaupun khalayak sudah mengetahui bahawa cerita akan berakhir

dengan kegembiraan abadi yang selari dengan selera khalayak yang suka kepada pengakhiran sebegini dan tidak kepada tragedi yang memilu dan menyedihkan.

Untuk memperlihatkan betapa kuasa wanita memainkan peranan, perhatikan sahaja dalam HPS Galuh terpaksa keluar dari istana atas tindakan ibu tirinya Paduka Liku yang mempengaruhi ayahnya sehingga ayahnya tega atau sanggup memotong rambut anak gadisnya sendiri. Perbuatan Paduka Liku yang memberi racun (seperti yang dipaparkan di atas) juga tidak mendapat sebarang balasan sebaliknya sang ayah tersungkur kasih kepada Paduka Liku. Perbuatan Paduka Liku dari satu sisi menunjukkan **kuasa wanita** memainkan peranan sehingga lelaki tunduk tersungkur patuh. Dari sisi lain khalayak akan menyatakan kerana adanya ubat guna-guna yang dikenakan kepada Sang Prabu (ayah Galuh). Ubat guna-guna hanya sekadar alat untuk menunjukkan kekuatan kuasa wanita memainkan peranan untuk menundukkan lelaki. Dalam erti yang lain andai diri (raga) tidak dapat dijadikan umpan, mereka akan mencari umpan lain yang lebih mampan. Cara sebegini masih ada lagi khalayak yang terjerat dengan cara berjumpa dukun, pawing walaupun kita sudah berada di abad 21. Justeru itu kita masih tidak melupakan kesah Mona Fandi yang mengerat mangsanya kepada 18 keratan.

Keberanian dan Kekuatan Hati Wanita

Salah satu ciri cerita Panji adalah pengembaraan dan perjalanan bermula pada dasarnya disebabkan **kuasa dan kekuatan hati** yang ada pada Galuh yang membawa Inu terseret dalam alur cerita dengan mengembara mencari tokoh sehingga niat yang dicita tercapai. Galuh dengan kuasa dan kekuatan hati, dia terus bertukar wajah yang pada dasarnya hanya berupa luaran sahaja untuk menjadikan dirinya gagah, tampan selain berbekal kepada makna yang terkandung dalam perkataan **wanita itu sendiri**.

Dari perspektif Jawa, **wanita** adalah gabungan dua perkataan **wani** dan **ditata**. **Wani** bermaksud **berani** sedangkan **ditata** bermaksud **disusun** atau lebih tepat **kesediaan diri** menghadapi sebarang risiko bersandar kepada tempat dan ruang dia berada. Wanita akan berani menerima sebarang tantangan walau di mana dan bagaimana cara dia ditempatkan atau diperlakukan. Perhatikan sahaja watak Galuh yang tetap berdegil tidak mahu menyerahkan anak patung pemberian tunangnya Raden Inu Kertapati kepada Galuh Ajeng (adik tirinya) sendiri. Dia sanggup menerima segala risiko dan dari sudut ini **sudah menampakkan suatu penentangan dalam diri Galuh dan kekuatan hatinya** walaupun pada waktu itu kebanyakan tipa wanita selalunya akur (*inggih*) patuh dan setia kepada orang tua. Galuh berani mengikut kata dan kuasa hati bahawa dia harus bersikap menantang dan bersedia menerima segala tantangan yang dihadapinya. Dengan berbekal rambut yang terpotong dan kedua orang pengasuhnya mereka menyamar diri menjadi lelaki tampan yang bersedia menantang apa sahaja yang mendatang dan menghalang.

Kata hati/ Suara Hati

Paparan ini banyak yang boleh kita jumpai dalam CCP, mereka melalui kehidupan hanya mengikut kata hati yang dikatakan adalah semuanya dengan kehendak dewa. Hal ini kita dapat kaitkan dengan kelahiran tokoh-tokoh Panji selalunya dikaitkan dengan dewa-dewa dan alam kayangan. Jika dilihat pada perspektif ini pengarang CCP ingin memperlihatkan betapa sifat kebergantungan manusia kepada satu kuasa yang menguasai kehidupan manusiawi. Apabila mala petaka menimpa, para tokoh dalam CCP akan menyandarkan seribu harapan kepada asal usulnya iaitu sang dewa.

Satu lagi contoh **Keberanian dan kekuatan hati wanita** juga ditunjukkan oleh Ken Tambuhan dalam SKT sehingga sanggup dirinya dibunuh demi memegang kepada perinsip ‘Berani buat berani tanggung’ Tidak ada suatu pendalihan untuk menyelamatkan diri. Dia rela dirinya dibunuh oleh Pelebaya (orang suruhan Permaisuri):

Ken Tambuhan bertitah pula ia,
Janganlah banyak fikir Pelebaya,
Sudahlah nasib apakan daya,
Janji terbunuh di rimba raya.

Akan titah Raden puteri,
Janganlah paman menaruh ngeri,
Mengerjakan titah Permaisuri,
Upahnya paman sudah kuberi.

(SKT.2002:79)

Tipa Wanita Jawa

Raden Galuh Candra Kirana/ Sekartaji/ Ken Tambuhan adalah sosok wanita Jawa yang mewakili tipa wanita Jawa unggul seperti **Macak** (berhias) **Manak** (beranak/melahirkan) dan **Masak** (memasak). **Macak** sememangnya Galuh mengungguli bidang ini kerana setiap paparan di dalam CCP sesiapa sahaja akan terpikat dengan keayuan dan keluwesan berbusana selaras dengan budaya Jawa seperti petikan ini:

Ken Tambuhan pun sudah berhias,
Berkampuh (berkain) pula jingga pengawas,
Berkemban kesumba diantelas,

Ditulis dengan air mas.

Berkamar ikat Melayu,
 Bersubang lontar perbuatan bayu,
 Indahnya tidak dapat dipayu (laku)
 Segala yang memandang hairan termangu.

Bergelang kana dua sebelah,
 Ditatah dengan permata merah,
 Bibirnya nipis terlalu cerah,
 Giginya laksana delima merekah.

Bercincin emas permanis jari,
 Intan ditatah lazuardi,
 Diikat dengan permata pudi,
 Bersamut dengan canggai di kiri.

....

Parasnya seperti gambar wayang,
 Bagaikan lenyap kekanda memandang,
 Cahaya durjanya gilang gemilang,
 Segala yang menentang kasih dan sayang.

(SKT.2002:7)

Cara Galuh berbusana di dalam CCP Melayu rona dan citarasa Jawa masih dikekalkan mungkin dengan ini sahaja khalayak Melayu dapat menilai keindahan berbusana cara Jawa yang berlainan dengan cara Melayu. Paparan yang sama juga dapat kita temui dalam *HHT* seperti yang dipaparkan di atas tadi.

Pengarang *HHT* tidak mahu ketinggalan memaparkan keindahan dan kecantikan puteri Jawa yang dtampilkan dengan khas Jawa. Dengan penampilan sebegini lebih menyerlahkan lagi rona Jawa yang agak asing dengan cara berhias Melayu seperti di bawah ini:

Maka hari pun hampir malam . Maka Tun Teja pun memakai pakaian kemas dan memakai bau-bauan daripada narwastu dan kumkuma, dicampur dengan emas diasah terlalu harum baunya.

(HHT.1997:220)

Petikan di atas mungkin tidak standing dengan gambaran yang diberi pengarang tentang hiasan berpakaian Raden Emas Ayu, namun bila diperkatakan berpakaian kemas pastinya sudah menampakkan jenis, warna dan kualiti pakaian yang dipakai. Warna keemasan bererti kain yang berwarna kuning yang dilarang masyarakat banyak untuk memakainya. Kemas juga membawa konotasi kualiti mahal dan hanya orang yang berkedudukan tinggi sahaja yang layak dan mampu memakai pakaian sebegini. Mode pakaian pastinya berlaianan daripada inang pengasuh dan rakyat banyak. Dengan penampilan sedemikian akan mengunggulkan lagi dirinya yang berbeza daripada wanita lain.

Dengan menyebut memakai bau-bauan, bererti wanita masa itu sudah mementingkan keharuman diri agar diri tidak berbau hapak supaya senang didekati. Persoalan di sini ialah Tun Teja memakai bau-bauan kerana hatinya terikat dengan ketampanan Hang Tuah yang menggunakan guna-guna kepada Tun Teja. Tun Teja mahu dirinya diterima baik oleh Hang Tuah. Konsep *macak* juga ada di dalam tradisi berbusana wanita Melayu.

Mengenai **Manak** pula CCP memaparkan sikap Galuh sewaktu diberi patung kencana oleh Inu. Naluri keibuan sudahpun dipaparkan oleh pengarang CCP Melayu seperti sewaktu Galuh membelai anak patung atau boneka pemberian tunangnya Raden Inu Kertapati.

Ya anakku cahaya mata,
Lamalah bonda mengandung rawan,
Siang malam mabuk bercinta,
Sebagai bulan disapu awan.

Walaupun sekadar anakan patung tetapi naluri keibuan terus dipaparkan oleh pengarang seolah-olah Galuh sudah merasakan bagaimana kasih seorang ibu kepada anaknya. Hal ini bukan suatu keanehan kerana lumrahnya kebanyakan anak perempuan sering bermain pondok-pondok dan anakan patung yang diperbuat daripada kertas dan hanya kini sahaja anak-anak perempuan diberi suguhan anakan patung yang dibuat daripada plastik seperti Barbie dan Dora. Senario bermain anakan patung di dalam CCP diterima khalayak kerana bersesuaian dengan norma masyarakat yang lazimnya wanita dan anak takkan terpisah.

Dalam PJT perpisahan hanya berlaku setelah Galuh yang dikenali sebagai Sekartaji melahirkan anak lelaki yang diberi nama Kuda Lalean atau dikenali dengan nama (Dyan Jaka Sumilir). Dalam PJT Sekartaji sanggup meninggalkan anak yang baru berusia 35 hari semata-mata mencari cinta hatinya bahawa dirinya takkan terpisah dengan suami iaitu Inu. Hati dimantapkan dan ditegakan demi suami, malah jarang kita ketemui sikap wanita yang sanggup berkorban demi suami dan tidak anak. Kebanyakan wanita lazimnya lebih redha bersama anak daripada suami kerana anak memerlukan kasih yang merawat diri membesar sempurna dengan penuh kasih sayang. Namun persoalannya mengapa dalam PJT Sekartaji sanggup meninggalkan anaknya? Jawapannya tidak lain kerana dia tahu bahawa anaknya

akan menerima kasih yang melimpah ruah dan keselamatan diri yang tidak boleh dipertikai daripada bapa mertuanya Raja Jenggala.

Isteri pada masyarakat Jawa adalah teman di belakang (*kanca wingking*) yang membawa maksud wanita yang sentiasa menjadi pendorong suami dalam pelbagai situasi. Kini *kanca wingking* sudah ditukar kepada *kanca jejer* atau bermaksud teman sejajar/ sebelah.

Jika dikaitkan dengan tipa **Masak** apakah wajar label ini diletakkan pada Galuh padahal dirinya adalah seorang puteri yang tidak akan ke dapur? Dari segi pemilihan pemakanan mereka masih diperkenalkan dengan beberapa jenis makanan yang disenangi oleh seseorang seperti yang terdapat dalam HPS. Sebagai contoh dapat dilihat daripada sikap Paduka Liku yang tahu tapai kegemaran Permaisuri sehingga makanan inilah dibubuh racun untuk membunuh Permaisuri. Timbul juga pertanyaan mengapa tidak diberi racun dalam minuman? Padahal inilah suatu cara yang sering dilakukan untuk meracuni seseorang? Dari suatu sisi Paduka Lilu tahu tentang kegemaran pemakanan Permaisuri selain waktu untuk menyantapnya. Ertinya Paduka Liku mempunyai suatu kekuatan hati yang ingin menguasai sang suami dan seluruh istana. **Kekuatan hati kotornya inilah dia terus bertindak di luar batas.**

Pengarang sempat menggunakan pepatah ‘*Mana tumpah kuah kalau tidak ke nasi*’ seperti sikap yang dipaparkan oleh Galuh Ajeng yang tega atau sampai hati sanggup mengambil tunangan kakaknya sendiri. Kadangkala khalayak memikirkan betapa pengarang CCP dapat memahami naluri manusia dengan

meletakkan yang negatif pada tempatnya. Secara tidak langsung pengarang turut melahirkan **hukum karma** dalam penceritaan bahawa setiap gerak laku yang diperbuat akan mendapat imbalan atau balasannya walaupun mengambil waktu yang agak panjang bagi tokoh negatif mendapat balasannya.

Dengan paparan memakan sirih dan bertukar sepah separti yang terdapat dalam SKT dapat membuktikan jenis pemakanan yang mengenyangkan atau sebaliknya atau pun pemakanan sekadar kelaziman yang dapat dikaitkan dengan budaya. Sirih berfungsi sebagai pengekang getaran hati yang gelisah selain boleh menjadi ubat dan penaik semangat. Di sini Ken Tambuhan tahu jenis sirih yang harus disatukan dengan kapur dan gambir sehingga dapat merubah rona muka kepada kemerahan dan keceriaan.

Seorang lagi tokoh negatif ialah sikap Permaisuri dalam SKT yang tidak rela anaknya berkahwin dengan Ken Tambuhan sehingga Permaisuri meluahkan rasa marah seperti dalam petikan ini:

Tidak sekali aku berkenan
 Hatiku sakit tiada tertahan,
 Baiklah engkau hai si Tambuhan,
 Sebarang daya engkau kuceraikan.

(SKT.2002:33)

Permaisuri memperlakukan kekejaman dengan menyuruh Pelebaya membunuh Ken Tambuhan di hutan sewaktu Raden Menteri disuruh berburu menjangan sebagai syarat memenuhi keinginan Permaisuri. Permaisuri begitu nekad untuk menghapuskan Ken Tambuhan kerana Ken Tambuhan sekadar puteri tawanan dan tidak staraf dengan Raden Menteri anaknya. **Kekuatan hatinya** untuk melakukan

pembunuhan diteruskan walaupun sang Raja sudah memberikan kata positif untuk menerimanya sebagai takdir yang sudah ditentukan oleh dewa. Puteri inilah yang dianggap telah merenggut kasih seorang ibu sehingga kasih Raden Menteri tertumpah sepenuhnya kepada Ken Tambuhan.

Gambaran kekuatan hati dan kekentalan cinta wanita amat terserlah daripada tokoh Galuh yang bergelar Sekartaji sewaktu menjadi Prabu Bali yang harus mengahwini seramai dua puluh lima orang puteri. Kekuatan diri amat terserlah setelah berada dalam kepompong penyamaran. Tokoh akan berperanan sebagai lelaki setampan dan segagah mungkin. Gambaran ini amat nyata sewaktu Galuh atau Sekartaji dalam PJT menjadi Prabu Bali. Galuh harus berperanan sebagai seorang suami dan membahagiakan kesemua isteri yang dipunyai.

Kekuatan hati wanitalah yang kadangkala menjadikan CCP lebih menarik dan tidak membosankan. Watak wanita yang ditampilkan oleh pengarang agak lebih menonjol sehingga diangkat menjadi *superhuman* seperti dalam HPS dan PJT. Dalam erti yang lain kelembutan dan keayuan tokoh sering bertukar kepada sikap serba boleh sewaktu dalam penyamaran sehingga diri tidak dikenali dan dapat pula mengabui mata puteri-puteri lain yang sejenis dengannya.

Merentas Cinta

Tidak dinafikan amat banyak CCP yang lahir seperti yang tersenarai di atas namun ada dalam kalangan khalayak Melayu, bila disebut CCP, khalayak akan mengaitkannya dengan Panji Semirang. Pada khalayak Melayu Panji itu adalah

sinonim Panji Semirang tanpa mengetahui bahawa banyak lagi cerita panji yang lain selain *HPS*. *HPS* sudah pun difilemkan dengan penampilan yang seratus peratus /persen bernuansa Jawa. Justeru itu menurut (Harun Mat Piah.1980) Cerita Panji Melayu telah melebihi bilangannya daripada induknya yang berasal dari Jawa.

Disebabkan Cerita berlandaskan cinta atau berkisar dalam lingkaran cinta yang mendalam antara Inu dengan Galuh iaitu dua saudara sepupu, maka menjadikan CCP amat menarik untuk dinikmati. Wira adalah Raden Inu Kertapati putera kepada Ratu Kuripan atau kadangkala dikenali sebagai Jenggala sedangkan wirawatnya pula ialah Raden Galuh Candra Kirana, puteri kepada Ratu Daha yang kadangkala dikenali sebagai Kedhiri. Kedua mereka telah bertunangan sejak kecil sebagai sarana pengikat tali kekeluargaan agar lebih mantap. Justeru itu cinta kedua tokoh ini telah diasas dan dibina oleh keluarga dan cinta ini terus bersemi subur setelah kedua mereka menanjak remaja. Cinta yang bersemi terus menyubur sehingga mereka tidak sanggup untuk terpisah atau dipisahkan. Khalayak Melayu dapat menerimanya kerana dalam budaya kehidupan, cinta adalah central yang menyatu dua insan. Pertunangan sejak kecil sering lumrah dilakukan dalam budaya kehidupan Melayu terutama di kalangan raja-raja kerana faktor status dan darah. Bak kata perumpamaan: Enggang sama enggang pipit sama pipit.

Dalam CCP, cinta menjadi penggerak kepada cerita dan menjadi obor menyinar jalan untuk bersama. Adakalanya cinta dalam CCP diselitkan dengan **rona erotis** terutama pada babak-babak mesra di antara wira dan wirawati. Paparan yang digambarkan amat indah dan penuh dengan perlambangan dan hanya khalayak yang matang dalam kehidupan yang boleh menebak dan menggambarkan

realitinya. Dengan adanya paparan ini secara tidak langsung dapat menteteramkan rasa gejolak di hati khalayak dan dapat mengendurkan rasa rindu yang membuak. Keberahian yang terlukis secara murni tidak dirasa sebagai suatu kesalahan yang menjijikkan.

Hari ini sudah jauh malam,
Beradulah tuan di atas tilam,
Kekanda seperti orang yang geram,
Sampaikan apa rasa yang dendam.

Setelah jauh malam hari,
Makin bertambah asmara berseri,
Bujuk dan cumbu tiada terperi,
Ken Tambuhan dipangku Raden Menteri.

Ia pun lalai seketika,
Kain tersingkap pinggang terbuka,
Rupanya seperti taruk angsoka
Raden mencium melakukan suka.

Adegan-adegan sebegini menjadi suatu yang amat digemari sama sahaja jika dibandingkan dengan filem pasti ada adegan-adegan sebegini untuk menambat hati penonton. Tidak menghairankan jika di dalam *SMG* juga mendapat elemen yang sama seperti petikan di bawah ini:

Dicum jari sambil ketawa,
Aria ningsun utama jiwa,
Tiadalah manis di tanah Jawa,
Sepatutnya kakak membuang nyawa.

Raden pun ngerna di dalam hati,
Geramnya tiada terubati,

Dibujuk sira panji tiada berhenti,
Cumbunya manis menghancurkan hati.

Diselang timang ayu perdana,
Suaranya manis terlalu bahana,
Menurut kaedah dengan sang Rajuna,
Semalaman itu tiadalah lena.

Petikan di atas memaparkan keghairahan orang yang sedang dilanda cinta asmara terutama perlakuan yang ditunjukkan oleh Inu terhadap Galuh. Mereka terus tidak tidur sepanjang malam, namun jika dibandingkan dengan *SMG* keintiman mereka berdua tidaklah seghairah keintiman dalam *SKT* seperti petikan di bawah ini:

Diangkat puteri lalu diriba,
Diciumnya hidung tangan meraba,
Aria Ningsun bidadari Sagurba,
Kakang nin sudah menjadi hamba.

Tiadakah kasihan tuan memandang,
Adalah kakang laksana kumbang,
Rawankan kuntum yang belum kembang,
Berahinya kakang tidak bertimbang.

Persamaan budaya yang lain adalah seperti bermain anak patung di kalangan anak-anak gadis (seperti yang disebutkan di atas) juga menjadi fenomena yang sama seperti di waktu ini anak-anak sedang dilanda dengan cerita frozen sehingga pakaian kedua watak dalam filem ini menjadi tarikan ekonomi mantap buat peniaga. Sama sahaja dengan boneka Barbie dan sebagainya. Rupanya dalam *HPS* juga paparan ini terus dibeberkan oleh pengarang bagaimana Raden Galuh sering bernyanyi membelai mesra dengan ungkapan sayu, sendu dan mendayu sewaktu memegang boneka pemberian Raden Inu tunangannya.

Hal yang sama juga terdapat dalam cerita *Puteri Akal* dan disebabkan anakan patung puteri Akal bertindak memperdaya anak Raja Damsyik.

Gelagat sang putera menghibur hati dngan permainan patung dan iringan musik yang kuat telah menarik perhatian Puteri Akal. Sewaktu Puteri Akal meninjau-ninjau mencari bunyi musik yang datang, **sang puteri telah terpandang anak-anakan atau patung yang indah buatannya**, kepunyaan Putera Damsyik. Bila terpandang patung tersebut hatinya tidak dapat ditahan untuk memilikinya, lalu puteri Akal pun terus menemui ayahandanya dan menyatakan persetujuan untuk diperisteri oleh Putera Damsyik. Baginda amat terkejut kerana sikap puteri Akal yang berbelah bagi. Puteri Akal terus pulang ke mahligainya dan dia mencari jalan bagaimana cara mendapatkan patung yang diinginkan.

Terpikat dan Terpukau

Analoginya dapat disamakan dengan persoalan mengapa kita senang dengan cerita Hindustan/ Bollywood dan lagu-lagunya? Padahal kita tidak tahu apa makna yang diucapkan melainkan jika ada sarikata di bawahnya. Kita menyenangi filem Bollywood kerana artis-artisnya yang cantik, ganteng/tampan dan memikat sementelah pula alunan musiknya amat selesa didengar atau telinga dan getar hati kita dapat menerimanya dengan senang.

CCP juga mempunyai elemen yang sama sehingga khalayak Melayu terpukau dan terpikat dengannya dan justeru itu dikatakan bilangan CCP Melayu melebihi daripada induknya. Adakah menggemari cerita ini sekadar suatu pelarian atau

escapism manusia Melayu mengenai kemiskinan kehidupan yang dirasai? Amat menyenangkan jika khalayak hanya dapat membayangkan dalam khayalan minda betapa gembira dan makmur jika berada di tempat anak-anak raja ini terutama di tempat Raden Inu dan Galuh. Segalanya tersedia dalam kehidupan.

Saya membuat andaian sedemikian melalui pengalaman sewaktu di India beberapa kali menjadi pemakalah dalam Seminar yang berkaitan dengan *Ramayana*, sepanjang hari ada sahaja filem yang diputarkan buat khalayak. Mungkin ini suatu cara untuk rakyat jalanan melupakan kesusahan kehidupan dan berkhayal ingin menjadi seperti mereka. Tidak menghairankan jika di kaca televisyen di Malaysia sememangnya ada satu slot (ZEE) yang menunjukkan betapa mereka berusaha mengikuti pelbagai perlombaaan samaada tarian, nyanyian dan lakonan semata-mata ingin menjadi artis seperti Shah Rukh Khan dan sebagainya. Para peserta harus punya pakej yang mantap seperti rupa dan kebolehan terutama dalam tarian. Pakej mantap yang ada pada Inu dan Galuh sudah cukup membuatkan CCP amat digemari oleh khalayak Melayu samalah dengan pakej mantap artis yang ada dalam Bollywood. Seperkara lagi, mengapa CCP dapat merentas sempadan ras dan rasa di luar batasnya?

Pertama sudah dibicarakan di atas adalah pakej yang ada pada pelakunya iatu Inu dan Galuh. Dua tokoh ini dipaparkan oleh pengarang sebagai manusia yang cukup ideal. Bukan sekadar rupa malah diri dan kebolehan. Kebolehan bukan setakat mengeluarkan suara yang memikat tetapi berkebolehan dalam **ilmu dan ngelmu**. Walaupun sudah berbaur Melayu namun nuansa Jawanya masih terserlah. Hal ini boleh diterima oleh khalayak Melayu.

Penutup

Makalah sekadar memapar budaya kehidupan sejagat dan cinta dalam kelangsungan hidup dan justeru itu CCP menjadi suatu tarikan besi berani pada khalayak Melayu walaupun mereka menyedari bahawa cerita berasal dari Jawa yang dikatakan sesat dan sarat dengan nuansa Jawa namun yang penting elemen cinta yang dipaparkan dalam CCP adalah kepunyaan bersama. Justeru itu CCP dapat keluar merentas sempadan budaya di wilayah Nusantara sehingga cerita dijalin dan disesuaikan pula dengan warna dan lorekan setempat. Fenomena menggemari CCP pada waktu dahulu samalah sebagaimana kita menggemari cerita filem Bollywood dan kebanyakan kita tidak mengerti bahasa yang diujarkan namun *sarikata* sudah cukup memberi makna yang diinginkan.

Rujukan

Abdul Rahman Kaeh. 1989. *Panji Narawangsa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Harun Mat Piah. 1980. *Cerita-cerita Panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasim Ahmad & Noriah Mohamed1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Khalid M. Hussain. 1992. *Hikayat Pandawa Lima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Noriah Mohamed & Mariam Salim & WahyunahAbd Ghani.2002. *Syair Ken Tambuhan*. Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan.

Noriah Mohamed& Mariyam Salim. 2005. *Sastera Panji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah Mohamed. 2006. *Sentuhan Rasa dan Fikir dalam Puisi Melayu Tradisional*. Bangi Penerbit UKM.

Noriah Mohamed.2006 *Syair Ken tambuhan CD Interaktif*

Teeuw, A. 1966. *Syair Ken Tambuhan*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.